



# **SYARAT PENYERTAAN**

**PEROLEHAN PROGRAM TV SECARA  
*REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)***

**MELALUI SISTEM**

**PENILAIAN BAHAN (DIIKLANKAN) UNTUK  
PEMBEKALAN TERBITAN TEMPATAN  
(SWASTA BAHARU)**

**DAN**

**PROGRAM TV LUAR NEGARA (*SYNDICATED*)**

**SERTA PRODUK SIAP TEMPATAN  
(*FINISHED PRODUCT*)**

**DENGAN PEMBEKAL TEMPATAN**

**FASA 1 TAHUN 2024/2025**

## SYARAT UTAMA

HANYA SYARIKAT PEMBEKAL YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KOMUNIKASI YANG DAHULU DIKENALI SEBAGAI KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN DIGITAL (KKD), SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM), KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF) DENGAN KOD BIDANG 221301 (PENGELUARAN FILEM) DAN KOD BIDANG 010504 (FILEM SIAP UNTUK TAYANGAN) SAHAJA DIBENAR MENGEMUKAKAN TAWARAN / PROPOSAL BAGI TUJUAN PEMBEKALAN INI.

## PENDAFTARAN SYARIKAT

1. Taklimat bersama pembekal akan diadakan pada **15 JANUARI 2024 (ISNIN)** bertempat di **AUDITORIUM SRI ANGKASA, Kota Media Angkasapuri** bermula jam **9.30 pagi**. Kehadiran semua pembekal **DIWAJIBKAN** serta hanya penama yang tercatat dalam sijil pendaftaran syarikat sahaja **DIBENARKAN** hadir taklimat.
2. Pendaftaran maklumat *Proposal* menerusi sistem e-TVCMS perlu dibuat seperti ketetapan berikut :
  - i) Tarikh pendaftaran : **16- 31 JANUARI 2024**
  - ii) Pendaftaran dibuat menerusi Sistem Pengurusan Kandungan TV (e-TVCMS) dengan melayari laman sesawang <https://etvcms.rtm.gov.my>
  - iii) Jumlah maksimum penghantaran proposal yang dibenarkan adalah seperti berikut :
    - Perolehan Swasta Baharu : **4** tajuk untuk mana-mana kategori.
    - Perolehan Luar Negara : **4** tajuk untuk mana-mana kategori.
    - Perolehan Produk Siap : **2** tajuk untuk mana-mana kategori.
  - iv) Pendaftaran proposal perlu dimuat naik ke dalam sistem e-TVCMS dalam tempoh jangka masa yang telah ditetapkan.
  - v) Setiap tajuk perlu **dimuat naik secara berasingan** ke sistem e-TVCMS.
  - vi) Tajuk kertas cadangan (*proposal*) **adalah asli dan masih belum diterbitkan dengan mana-mana pihak atau stesen TV (termasuk RTM)**. RTM tidak bertanggungjawab dan berhak untuk membatalkan kontrak sekiranya berlaku pertikaian atas proposal yang telah dipilih.

3. Maklumat program seperti berikut perlu diisi dengan jelas dan tepat ke dalam sistem e-TVCMS bagi **Swasta Baharu** :

BIL.	ITEM	CATATAN
1.	Tajuk <i>Proposal</i>	<b>Contoh</b> : <i>Masak Sana-Sini</i>
2.	Kategori	Majalah
3.	Kod Rancangan	MT330
4.	Bilangan Episod	13
5.	Durasi	30 minit
6.	Bahasa	Melayu
7.	Konsep	Penggambaran luar studio selebriti cef meneroka dan menyediakan pelbagai menu yang menarik
8.	Sinopsis	Tidak melebihi 350 patah perkataan
9.	<i>Unique Selling Point (USP)</i>	- sila kemukakan-
10.	Logline	- sila kemukakan-
11.	Objektif	- sila kemukakan-
12.	Cadangan Lokasi	Negeri Sembilan, Malaysia
13.	Video Proposal	<b>Diwajibkan</b> Durasi : <i>Tidak lebih 5 minit / 3GB</i> Format Video: <i>MP4, MOV atau MPG (H264/AAC)</i>

### **SYARAT TAMBAHAN**

Pembekal perlu sekurang-kurangnya mempunyai 3 tahun pengalaman penerbitan dan mempunyai rekod yang baik dengan pembekalan program TV di RTM dan stesen lain bagi perolehan yang melebihi RM1,000,000.00. Pembekal juga **WAJIB** mengemukakan dokumen tambahan berikut semasa pendaftaran *proposal*.

- Salinan penyata bank 3 bulan terkini (disahkan oleh pihak Bank) iaitu penyata bulan **OKTOBER, NOVEMBER DAN DISEMBER 2023**.
- Salinan laporan audit tahunan.
- Kemudahan kredit (sekiranya ada).

4. Maklumat program seperti berikut perlu diisi dengan jelas dan tepat ke dalam sistem e-TVCMS bagi **Program Luar Negara (Syndicated)** :-

BIL.	ITEM	CATATAN
1.	Tajuk <i>Proposal</i>	<b>Contoh: Blue Rookie</b>
2.	Kategori	Drama Bersiri Inggeris
3.	Kod Rancangan	SYDBI260
4.	Jumlah Episod Yang Ditawarkan	26
5.	Jumlah Durasi Yang Ditawarkan	60 minit
6.	Tahun Terbitan	2010 - 2015
7.	Nombor Musim ( <i>season</i> )	<b>Contoh:</b> Musim 1 hingga Musim 2
8.	Harga Tawaran Per Episod (RM)	RM xx,xxx.xx
9.	Harga Tawaran Keseluruhan (RM)	RM x,xxx,xxx.xx
10.	Hak Tayangan Siaran Yang Ditawarkan	<b>Contoh:</b> 2 tahun
11.	Hak Bilangan Siaran Yang Ditawarkan	<b>Contoh:</b> 2 kali
12.	Pelakon / Hos	Missy Peregrym / Erika Okuma/Gregory Edward Smith
13.	Bahasa	Inggeris
14.	Rating (berserta rujukan <i>url</i> )	<b>Contoh :</b> www.imdb.com / 8.0
15.	Negara Asal	<b>Contoh :</b> Kanada
16.	Sinopsis	Tidak melebihi 150 patah perkataan
17.	Maklumat Tambahan	Contoh: Anugerah atau <i>Box Office</i>
18.	Video <i>Screeners</i>	<b>Diwajibkan</b>  <b>CEREKA :</b> Durasi Penuh <b>BERSIRI :</b> Episod awal, pertengahan dan akhir  "compress" video ke format MP4, MOV atau MPG (H264/AAC) dengan resolusi 720p (5Mbps bitrate) atau rendah. Dengan saiz kandungan tidak melebihi 4GB.

## **MAKLUMAN TAMBAHAN**

- a. Syarikat yang mendaftar untuk pembekalan program TV Luar Negara (Syndicated) dibenar untuk menawarkan **MAKSIMUM EMPAT (4) TAJUK SAHAJA** di bawah mana-mana **KATEGORI** yang ditawarkan.
- b. Syarikat digalakkan mengemukakan tajuk-tajuk program TV Luar Negara (Syndicated) yang boleh menawarkan tempoh tayangan sekurang-kurangnya dua (2) tahun dengan dua (2) kali hak tayangan (atau lebih) untuk siaran di semua platform penyiaran RTM.
- c. Bagi tajuk-tajuk program TV Luar Negara (*Syndicated*), syarikat perlu memuat naik dokumen pengesahan pendedaran (*authorization letter @ distribution letter*) sebagai perbincangan awal syarikat dengan Prinsipal untuk setiap tajuk(*Syndicated*) yang didaftarkan.

5. Maklumat program seperti berikut perlu diisi dengan jelas dan tepat ke dalam sistem e-TVCMS **Produk Siap Tempatan (Finished Product)**:

BIL.	ITEM	CATATAN
1.	Tajuk <i>Proposal</i>	<b>Contoh :</b> Animasi MAS
2.	Kategori	Animasi
3.	Kod Rancangan	FPA330
4.	Bilangan Episod Yang Ditawarkan	13
5.	Bilangan Durasi Yang Ditawarkan	30 minit
6.	Tahun Terbitan	2019
7.	Nombor Musim ( <i>season</i> )	<b>Contoh:</b> Musim 1 hingga Musim 2
8.	Harga Tawaran Per Episod (RM)	RM xx,xxx.xx
9.	Harga Tawaran Keseluruhan (RM)	RM x,xxx,xxx.xx
10.	Hak Tayangan Siaran Yang Ditawarkan	<b>Contoh:</b> Hak RTM (All Rights)
11.	Hak Bilangan Siaran Yang Ditawarkan	<b>Contoh:</b> Tiada Had
12.	Pelakon / Hos	xxxxx
13.	Bahasa	Melayu
14.	Rating (berserta rujukan <i>url</i> )	<b>Contoh :</b> www.imdb.com / 8.0
15.	Negara Asal	Malaysia
16.	Sinopsis	Tidak melebihi 150 patah perkataan
17.	Maklumat Tambahan	Contoh: Anugerah atau <i>Box Office</i>
18.	Video <i>Screeners</i>	<b>Diwajibkan</b> 1. " <i>compress</i> " video ke format MP4, MOV atau MPG (H264/AAC) dengan resolusi 720p (5Mbps bitrate) atau rendah. Dengan saiz kandungan tidak melebihi 4GB.  <b>TELEFILEM</b> : Durasi Penuh <b>BERSIRI</b> : Kesemua Episod

## **MAKLUMAN TAMBAHAN**

- a. Syarikat yang mendaftar untuk pembekalan program TV Produk Siap Tempatan (*Finished Product*) dibenar untuk menawarkan **MAKSIMUM DUA (2) TAJUK SAHAJA** di bawah mana-mana **KATEGORI** yang ditawarkan.
  - b. Bagi tajuk program TV Produk Siap Tempatan (*Finished Product*), sila muat naik surat rasmi syarikat yang mempunyai pemilikan sah untuk setiap tajuk yang didaftarkan.
6. Pembekal perlu mengemukakan dokumen berikut semasa pendaftaran proposal (**rujuk Lampiran A**).
  7. Pastikan semua sijil-sijil yang diperlukan adalah **AKTIF**. Sekiranya tamat tempoh, sila kemukakan bukti pembaharuan sijil berkenaan.

## MEMUAT NAIK BAHAN SCREENERS KE e-TVCMS

1. Syarikat disarankan untuk “*compress*” video ke format MP4, MOV atau MPG (H264/AAC) dengan resolusi 720p (5Mbps bitrate) atau rendah. Dengan saiz kandungan tidak melebihi 3GB.
2. Bahan *screeners* bagi tujuan pra-tonton perlu mengandungi keseluruhan program (kategori cereka / telemovie) atau episod awal, pertengahan dan akhir (kategori bersiri. **PROMO PROGRAM SEPERTI TRAILER TIDAK DIPERLUKAN.**
3. Syarikat bertanggungjawab memastikan bahan *screeners* yang dimuat naik boleh diakses dengan menggunakan apa jua bentuk perisian. **RTM BERHAK MENOLAK ATAU TIDAK MEMPERTIMBANGKAN PENYERTAAN** sekiranya bahan *screeners* yang dimuat naik tidak dapat ditonton atau disaring oleh panel penilai.
4. Syarikat yang mendaftar lebih daripada satu (1) tajuk perlu memastikan setiap tajuk mempunyai bahan *screeners* yang diperlukan. Penyertaan akan terbatal sekiranya syarikat mendaftar tajuk program tanpa mengemukakan bahan *screeners* yang lengkap untuk sesi pra tonton (*screening*).
5. Bagi penyertaan untuk program TV **Selain Daripada Bahasa Melayu**, syarikat perlu menyediakan sarikata dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris untuk sesi saringan Pra-Tonton **bertujuan penilaian panel penilai.**
6. Maklumat program dan bahan *screeners* yang dimuat naik ke dalam sistem **e-TVCMS SEBELUM ATAU SELEPAS TEMPOH PENDAFTARAN YANG DITETAPKAN TIDAK LAYAK** untuk menyertai sesi saringan Pra-Tonton yang akan diadakan.



## PEMATUHAN SYARIKAT DAN HAL-HAL BERKAITAN

1. Syarikat bertanggungjawab memastikan program yang ditawarkan adalah berkualiti dan menepati siaran RTM selaku badan penyiar kerajaan. Program TV yang ditawarkan oleh syarikat perlu selaras dan tidak bercanggah dengan Rukun Negara, Kod Etika Penyiaran, Pekeliling Lembaga Penapisan Filem (LPF), pendirian Malaysia terhadap sesuatu isu dan Garis Panduan Siaran RTM sedia ada. **\*\*Butiran garis panduan berkenaan boleh disemak di Portal Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) iaitu [www.rtm.gov.my](http://www.rtm.gov.my) (Klik AWAM kemudian klik PANDUAN)\*\*\***
2. Untuk Perolehan Produk Siap Tempatan (Finished Product), tajuk program yang mendapat pembiayaan mana-mana **DANA KERAJAAN** (contoh: Dana Kandungan Digital (DKD) FINAS) atau bagi maksud penerbitan bahan tersebut adalah **TIDAK LAYAK** menyertai sesi saringan Pra-Tonton yang akan diadakan.
3. Hanya **TAJUK yang LULUS, MENEPATI SYARAT dan TERPILIH** sahaja akan diberitahu keputusannya kepada syarikat pembekal. Pembekal yang tidak menerima sebarang keputusan dalam tempoh selepas 6 (enam) bulan daripada tarikh penghantaran proposal dianggap tidak berjaya dan tiada sebarang surat pemberitahuan akan dikeluarkan kepada pembekal.
4. Untuk pertanyaan, sila hubungi Urus Setia Unit Kandungan Kreatif (UKK) di talian **03-22887819** atau e-mel: **etvcms@rtm.gov.my**



**SENARAI DOKUMEN YANG PERLU DIMUAT NAIK ATAU DIKEMAS KINI KE DALAM  
SISTEM e-TVCMS SEMASA PENDAFTARAN SYARIKAT DAN PENDAFTARAN TAJUK  
PROGRAM PEMBEKALAN TERBITAN TEMPATAN (SWASTA BAHARU) DAN PROGRAM  
TV LUAR NEGARA (*SYNDICATED*) SERTA PRODUK SIAP TEMPATAN (*FINISHED  
PRODUCT*) DENGAN PEMBEKAL TEMPATAN  
FASA 1 BAGI TAHUN 2024/2025**

BIL	PERKARA	CATATAN
1.	<b>Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ <b>Disahkan</b> oleh Setiausaha Syarikat.</li> <li>❖ Sekiranya sijil telah tamat tempoh atau hampir tamat tempoh sah laku, sila kemukakan bukti pembaharuan sijil.</li> </ul>
2.	<b>Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ <b>Disahkan</b> oleh Setiausaha Syarikat.</li> <li>❖ <b>Kod Bidang 221301 (Pengeluaran Filem)</b></li> <li>❖ Pastikan sijil ini diperbaharui dan SAH LAKU pada tarikh di muat naik ke dalam sistem e-TVCMS.</li> <li>❖ Sila kemukakan bukti pembaharuan sijil.</li> </ul>
3.	<b>Sijil Kementerian Komunikasi</b> <i>(dahulunya dikenali sebagai Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD))</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ <b>Disahkan</b> oleh Setiausaha Syarikat.</li> <li>❖ Pastikan sijil ini diperbaharui dan <b>SAH LAKU</b> pada tarikh di muat naik ke dalam sistem e-TVCMS.</li> <li>❖ Sila kemukakan bukti pembaharuan sijil.</li> </ul>
4.	<b>Sijil FINAS (PF)</b> (Pengeluaran Filem)	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ <b>Disahkan</b> oleh Setiausaha Syarikat.</li> <li>❖ Pastikan sijil ini diperbaharui dan <b>SAH LAKU</b> pada tarikh di muat naik ke dalam sistem e-TVCMS.</li> <li>❖ Sila kemukakan bukti pembaharuan sijil.</li> </ul>

BIL	PERKARA	CATATAN
5.	<b>Sijil FINAS (DF)</b> (Pengedaran Filem)	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ <b>Disahkan</b> oleh Setiausaha Syarikat.</li> <li>❖ Pastikan sijil ini diperbaharui dan <b>SAH LAKU</b> pada tarikh di muat naik ke dalam sistem e-TVCMS.</li> <li>❖ Sila kemukakan bukti pembaharuan sijil.</li> </ul>
6.	<b>Sijil Bumiputera</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ <b>Disahkan</b> oleh Setiausaha Syarikat.</li> <li>❖ Untuk syarikat bertaraf Bumiputera sahaja.</li> <li>❖ Pastikan sijil ini diperbaharui dan <b>SAH LAKU</b> pada tarikh di muat naik ke dalam sistem e-TVCMS.</li> </ul>
7.	<b>Penyata Kewangan Syarikat</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ <b>Disahkan</b> oleh pihak bank</li> <li>❖ <b>3 bulan (OKTOBER, NOVEMBER, DISEMBER 2023)</b></li> </ul>
8.	<b>Surat Akuan Sumpah Penyerahan Idea Asal</b> (Perolehan Swasta Baharu)	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Muat turun dokumen dalam sistem e-TVCMS</li> <li>❖ Pemilik Idea Asal <b>WAJIB</b> menandatangani dokumen ini.</li> </ul>
9.	<b>Kertas Cadangan (Proposal / Video Proposal)</b> (Perolehan Swasta Baharu)	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Pembekal perlu menyatakan maklumat berikut dalam sistem e-TVCMS;</li> <li>a) Tajuk Program</li> <li>b) Kategori</li> <li>c) Genre</li> <li>d) Pengenalan</li> <li>e) Konsep</li> <li>f) Treatment/ <i>Running Order</i></li> <li>g) Cadangan Episod dan Sinopsis Episodik</li> <li>h) Cadangan Pengacara/ Pelakon/</li> <li>i) Selebriti/ Tetamu Jemputan.</li> <li>j) Cadangan Lokasi.</li> <li>k) Jadual Perbatuan (<i>Milestone</i>).</li> </ul>

BIL	PERKARA	CATATAN
10.	<b>Dokumen Berkaitan Prinsipal atau Syarikat Pengedaran Tajuk yang didaftarkan</b> (Perolehan Syndicated)	❖ <i>Authorization Letter @ Memo Deal</i> tajuk yang didaftarkan dengan maklumat Prinsipal atau Syarikat Pengedaran yang sah dan lengkap
11.	<b>Maklumat lengkap tajuk program Luar Negara (<i>Syndicated</i>) dan Produk Siap Tempatan (<i>Finished Product</i>)</b>	❖ <b>Contoh:</b> Tajuk program TV, Tahun Terbitan, Bahasa, Negara Asal, Tempoh Hak Tayangan yang ditawarkan, <i>Ratings</i> dan lain-lain.
12.	<b>Video Screeners</b> Perolehan Luar Negara ( <i>Syndicated</i> ) dan Produk Siap Tempatan ( <i>Finished Product</i> )	❖ Pembekal perlu memuat naik video screeners menerusi sistem e-TVCMS dengan tetapan berikut;  <b>a) Perolehan Luar Negara (<i>Syndicated</i>)</b>  ❖ Cereka: <i>Video Screeners</i> <b>DURASI PENUH</b>  ❖ Bersiri: <i>Video Screeners</i> dengan <b>EPISOD AWAL, TENGAH DAN AKHIR</b>  <b>b) Perolehan Produk Siap Tempatan (<i>Finished Product</i>)</b>  ❖ Telefilem: <i>Video Screeners</i> <b>DURASI PENUH</b>  ❖ Bersiri: <i>Video Screeners</i> dengan <b>KESEMUA EPISOD</b>

**SYARIKAT BERTANGGUNGJAWAB MEMASTIKAN SEMUA DOKUMEN BERKAITAN SYARIKAT ADALAH DALAM TEMPOH SAH LAKU PADA TARIKH DOKUMEN DI MUAT NAIK KE DALAM SISTEM e-TVCMS.**

**RTM BERHAK MENOLAK ATAU TIDAK MEMPERTIMBANGKAN PERMOHONAN SEKIRANYA SYARIKAT GAGAL MEMATUHI SYARAT-SYARAT INI.**